JABATAN MUFTI SARAWAK

# كاليندر هجري

# Kalendar Hijri

1447H | 2025-2026M

## ZON 1



*SOFTCOPY*
KALENDAR HIJRI 1447H

**JABATAN MUFTI SARAWAK**
ARAS 15, MAJMA TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH,
JALAN P. RAMLEE, 93400 KUCHING, SARAWAK.
Tel: 082-507500 Faks: 082-507200/ 082-507300
https://muftinegeri.sarawak.gov.my

PENILAIAN KALENDAR HIJRI
1447/ JUN 2025-JUN 2026

# MENELUSURI PERISTIWA HIJRAH

Imam Ibn Hajar al-Haitami menyebut dalam kitabnya Fathul Mubin 'ala Syarhi al-Arba'in an-Nawawiyah bahawa hijrah dari segi bahasa ialah **at-Tark** iaitu **meninggalkan**, manakala dari segi syarak ialah meninggalkan negara bukan Islam ke negara Islam untuk menghindari fitnah (ujian) yang menimpa kepada orang Islam. Hakikat hijrah ialah meninggalkan sesuatu yang dibenci oleh Allah SWT sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

***Muhajir (orang yang berhijrah) itu ialah orang yang meninggalkan apa yang Allah larang.***

**(Hadis Riwayat al-Bukhari, no.10)**

Daripada peristiwa hijrah umat Islam, kita dapat mengambil banyak pengajaran penting yang sesuai dipraktikkan dalam kehidupan harian kita antaranya:

**1**

**NIAT DAN TUJUAN YANG JELAS**

Hijrah yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat mempunyai niat dan tujuan yang jelas iaitu memperjuangkan agama dan memelihara dakwah Islam secara berterusan. Hal ini mengajarkan kita bahawa setiap langkah besar dalam hidup harus didasarkan dengan niat yang baik dan tujuan yang jelas.

**2**

**KEBERANIAN DALAM MENGHADAPI CABARAN DAN ANCAMAN**

Hijrah bukanlah keputusan yang mudah. Nabi Muhammad SAW dan para sahabat menghadapi pelbagai cabaran dan ancaman, namun mereka tetap teguh dan berani mengambil langkah tersebut demi kebaikan agama dan umat Islam. Ia mengajar kita untuk berani menghadapi rintangan dalam mencapai tujuan yang lebih tinggi.

**3**

**BERUBAH MENJADI LEBIH BAIK**

Hijrah bukan sekadar perpindahan dari satu tempat ke satu tempat sahaja, akan tetapi ia merupakan perubahan yang menyeluruh dalam pemikiran, sahsiah akhlak, dan cara hidup. Ia mengingatkan kita bahawa hijrah juga boleh membawa perubahan dalam diri kita supaya menjadi lebih baik dan meninggalkan kebiasaan buruk kepada yang lebih positif.

**4**

**HUBUNGAN PERSAUDARAAN**

Dalam perjalanan hijrah, persaudaraan antara golongan Muhajirin (yang berhijrah) dan Ansar (penduduk Madinah yang membantu) terjalin dengan sangat erat. Hal ini mengajarkan pentingnya tolong-menolong dan keprihatinan yang tinggi dalam menghadapi kesulitan hidup.

**5**

**NIAT DAN TUJUAN YANG JELAS**

Hijrah yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat mempunyai niat dan tujuan yang jelas iaitu memperjuangkan agama dan memelihara dakwah Islam secara berterusan. Hal ini mengajarkan kita bahawa setiap langkah besar dalam hidup harus didasarkan dengan niat yang baik dan tujuan yang jelas.

# Kalendar Hijri 1447H

## ISTIWA' A'ZAM

- Kedudukan matahari berada tepat di atas Kaabah
- Apabila Istiwa' A'zam berlaku, bayang-bayang bagi objek tegak akan menunjukkan arah ke kiblat
- Berlaku dua kali setahun iaitu:

| TAHUN BIASA | TAHUN LOMPAT |
|---|---|
| 28 MEI: 5.16 PETANG | 27 MEI: 5.18 PETANG |
| 16 JULAI: 5.28 PETANG | 15 JULAI: 5.27 PETANG |




## Muharram — JUN - JULAI 2025 — مُحَرَّم

| HARI | HIJRI | MILADI | PERISTIWA / CUTI | JADUAL WAKTU SOLAT | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Imsak | Subuh | Syuruk | Zohor | Asar | Maghrib | Isyak |
| Jumaat | 1 | 27 | Awal Muharram | 4:46 | 4:56 | 6:11 | 12:25 | 3:51 | 6:36 | 7:52 |
| Sabtu | 2 | 28 | | 4:47 | 4:57 | 6:12 | 12:26 | 3:51 | 6:36 | 7:52 |
| Ahad | 3 | 29 | | 4:47 | 4:57 | 6:12 | 12:26 | 3:52 | 6:37 | 7:52 |
| Isnin | 4 | 30 | | 4:47 | 4:57 | 6:12 | 12:26 | 3:52 | 6:37 | 7:52 |
| Selasa | 5 | 1 Julai | | 4:48 | 4:58 | 6:12 | 12:26 | 3:52 | 6:37 | 7:53 |
| Rabu | 6 | 2 | | 4:48 | 4:58 | 6:12 | 12:26 | 3:52 | 6:37 | 7:53 |
| Khamis | 7 | 3 | | 4:48 | 4:58 | 6:13 | 12:26 | 3:52 | 6:37 | 7:53 |
| Jumaat | 8 | 4 | | 4:48 | 4:58 | 6:13 | 12:27 | 3:52 | 6:37 | 7:53 |
| Sabtu | 9 | 5 | | 4:49 | 4:59 | 6:13 | 12:27 | 3:52 | 6:37 | 7:53 |
| Ahad | 10 | 6 | | 4:49 | 4:59 | 6:13 | 12:27 | 3:52 | 6:38 | 7:53 |
| Isnin | 11 | 7 | | 4:49 | 4:59 | 6:14 | 12:27 | 3:52 | 6:38 | 7:53 |
| Selasa | 12 | 8 | | 4:49 | 4:59 | 6:14 | 12:27 | 3:53 | 6:38 | 7:53 |
| Rabu | 13 | 9 | | 4:50 | 5:00 | 6:14 | 12:27 | 3:53 | 6:38 | 7:53 |
| Khamis | 14 | 10 | | 4:50 | 5:00 | 6:14 | 12:28 | 3:53 | 6:38 | 7:53 |
| Jumaat | 15 | 11 | | 4:50 | 5:00 | 6:14 | 12:28 | 3:53 | 6:38 | 7:53 |
| Sabtu | 16 | 12 | | 4:50 | 5:00 | 6:15 | 12:28 | 3:53 | 6:38 | 7:53 |
| Ahad | 17 | 13 | | 4:51 | 5:01 | 6:15 | 12:28 | 3:53 | 6:38 | 7:53 |
| Isnin | 18 | 14 | | 4:51 | 5:01 | 6:15 | 12:28 | 3:53 | 6:38 | 7:53 |
| Selasa | 19 | 15 | | 4:51 | 5:01 | 6:15 | 12:28 | 3:53 | 6:38 | 7:53 |
| Rabu | 20 | 16 | | 4:51 | 5:01 | 6:15 | 12:28 | 3:53 | 6:38 | 7:53 |
| Khamis | 21 | 17 | | 4:52 | 5:02 | 6:15 | 12:28 | 3:52 | 6:38 | 7:53 |
| Jumaat | 22 | 18 | | 4:52 | 5:02 | 6:16 | 12:28 | 3:52 | 6:38 | 7:53 |
| Sabtu | 23 | 19 | | 4:52 | 5:02 | 6:16 | 12:29 | 3:52 | 6:38 | 7:53 |
| Ahad | 24 | 20 | | 4:52 | 5:02 | 6:16 | 12:29 | 3:52 | 6:38 | 7:53 |
| Isnin | 25 | 21 | | 4:53 | 5:03 | 6:16 | 12:29 | 3:52 | 6:38 | 7:53 |
| Selasa | 26 | 22 | Hari Sarawak | 4:53 | 5:03 | 6:16 | 12:29 | 3:52 | 6:38 | 7:52 |
| Rabu | 27 | 23 | | 4:53 | 5:03 | 6:16 | 12:29 | 3:52 | 6:38 | 7:52 |
| Khamis | 28 | 24 | | 4:53 | 5:03 | 6:16 | 12:29 | 3:51 | 6:38 | 7:52 |
| Jumaat | 29 | 25 | | 4:54 | 5:04 | 6:16 | 12:29 | 3:51 | 6:38 | 7:52 |

**Puasa Sunat**
- Puasa pada hari Tasu'a - 9 Muharram
- Puasa pada Hari Asyura - 10 Muharram
- Hari Isnin dan Khamis
- Hari-hari putih - 13,14 & 15
- Puasa Nabi Daud AS (berselang hari)

**ZON 1**
(LIMBANG, SUNDAR, TRUSAN, LAWAS)

# HUKUM PENGGUNAAN AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN DAN LAUNGAN AZAN DALAM NADA DERING DAN PAPARAN SKRIN TELEFON PINTAR




Dalam era teknologi moden yang serba canggih ini, penggunaan telefon pintar telah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian kita. Setiap individu kini lebih bergantung kepada peranti pintar bukan sahaja untuk berkomunikasi, malah untuk menjalankan pelbagai aktiviti harian. Salah satu ciri menarik yang sering digunakan dalam telefon pintar adalah penggunaan nada dering dan paparan skrin yang sering kali dihiasi dengan ayat-ayat suci al-Quran dan laungan azan. Bagi umat Islam, kedua-duanya adalah simbol kesucian dan penghormatan kepada agama.

Pada prinsipnya Islam tidak menghalang penggunaan nada dering ayat-ayat suci al-Quran ini dengan syarat penggunaannya menepati adab yang telah ditetapkan oleh Islam dan digunakan di tempat-tempat yang tidak mencemarkan kesucian ayat-ayat suci tersebut seperti di dalam tandas.

(Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-15, 2008)



# Kalendar Hijri 1447H

## DOA SAYYIDUL ISTIGHFAR

*Daripada Syaddad bin Aus r.a., Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:*

*"Ya Allah, Engkaulah Tuhanku, yang tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Engkau yang telah menciptakan diriku. Aku adalah hamba-Mu, dan aku berada dalam perintah dan perjanjian-Mu, yang dengan segala kemampuanku perintah-Mu aku laksanakan. Aku berlindung kepada-Mu daripada segala keburukan yang aku buat terhadap-Mu. Engkau telah mencurahkan nikmat-Mu kepadaku, sementara aku sentiasa berbuat dosa. Maka ampunilah dosa-dosaku. Sebab tidak ada yang dapat mengampuni dosa kecuali Engkau."*

*(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 6306)*

*Untuk lebih info, sila imbas kod QR*



## Safar — JULAI - OGOS 2025 — صَفَر

| HARI | HIJRI | MILADI | PERISTIWA / CUTI | Imsak | Subuh | Syuruk | Zohor | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | JADUAL WAKTU SOLAT | | | | | | |
| Sabtu | 1 | 26 | | 4:54 | 5:04 | 6:16 | 12:29 | 3:51 | 6:38 | 7:52 |
| Ahad | 2 | 27 | | 4:54 | 5:04 | 6:17 | 12:29 | 3:51 | 6:38 | 7:51 |
| Isnin | 3 | 28 | | 4:54 | 5:04 | 6:17 | 12:29 | 3:51 | 6:38 | 7:51 |
| Selasa | 4 | 29 | | 4:54 | 5:04 | 6:17 | 12:29 | 3:50 | 6:38 | 7:51 |
| Rabu | 5 | 30 | | 4:55 | 5:05 | 6:17 | 12:29 | 3:50 | 6:38 | 7:51 |
| Khamis | 6 | 31 | | 4:55 | 5:05 | 6:17 | 12:29 | 3:50 | 6:37 | 7:51 |
| Jumaat | 7 | 1 Ogos | | 4:55 | 5:05 | 6:17 | 12:29 | 3:49 | 6:37 | 7:50 |
| Sabtu | 8 | 2 | | 4:55 | 5:05 | 6:17 | 12:29 | 3:49 | 6:37 | 7:50 |
| Ahad | 9 | 3 | | 4:55 | 5:05 | 6:17 | 12:28 | 3:49 | 6:37 | 7:50 |
| Isnin | 10 | 4 | | 4:55 | 5:05 | 6:17 | 12:28 | 3:48 | 6:37 | 7:49 |
| Selasa | 11 | 5 | | 4:55 | 5:05 | 6:17 | 12:28 | 3:48 | 6:37 | 7:49 |
| Rabu | 12 | 6 | | 4:55 | 5:05 | 6:17 | 12:28 | 3:47 | 6:36 | 7:49 |
| Khamis | 13 | 7 | | 4:56 | 5:06 | 6:17 | 12:28 | 3:47 | 6:36 | 7:48 |
| Jumaat | 14 | 8 | | 4:56 | 5:06 | 6:17 | 12:28 | 3:46 | 6:36 | 7:48 |
| Sabtu | 15 | 9 | | 4:56 | 5:06 | 6:17 | 12:28 | 3:46 | 6:36 | 7:48 |
| Ahad | 16 | 10 | | 4:56 | 5:06 | 6:17 | 12:28 | 3:45 | 6:35 | 7:47 |
| Isnin | 17 | 11 | | 4:56 | 5:06 | 6:17 | 12:27 | 3:45 | 6:35 | 7:47 |
| Selasa | 18 | 12 | | 4:56 | 5:06 | 6:17 | 12:27 | 3:44 | 6:35 | 7:47 |
| Rabu | 19 | 13 | | 4:56 | 5:06 | 6:17 | 12:27 | 3:44 | 6:34 | 7:46 |
| Khamis | 20 | 14 | | 4:56 | 5:06 | 6:17 | 12:27 | 3:43 | 6:34 | 7:46 |
| Jumaat | 21 | 15 | | 4:56 | 5:06 | 6:16 | 12:27 | 3:42 | 6:34 | 7:45 |
| Sabtu | 22 | 16 | | 4:56 | 5:06 | 6:16 | 12:27 | 3:42 | 6:34 | 7:45 |
| Ahad | 23 | 17 | | 4:56 | 5:06 | 6:16 | 12:26 | 3:41 | 6:33 | 7:44 |
| Isnin | 24 | 18 | | 4:56 | 5:06 | 6:16 | 12:26 | 3:40 | 6:33 | 7:44 |
| Selasa | 25 | 19 | | 4:56 | 5:06 | 6:16 | 12:26 | 3:40 | 6:33 | 7:44 |
| Rabu | 26 | 20 | | 4:56 | 5:06 | 6:16 | 12:26 | 3:39 | 6:32 | 7:43 |
| Khamis | 27 | 21 | | 4:56 | 5:06 | 6:16 | 12:25 | 3:38 | 6:32 | 7:43 |
| Jumaat | 28 | 22 | | 4:56 | 5:06 | 6:16 | 12:25 | 3:37 | 6:31 | 7:42 |
| Sabtu | 29 | 23 | | 4:56 | 5:06 | 6:16 | 12:25 | 3:37 | 6:31 | 7:42 |
| Ahad | 30 | 24 | | 4:56 | 5:06 | 6:15 | 12:25 | 3:36 | 6:31 | 7:41 |

Puasa Sunat
- Hari Isnin dan Khamis
- Hari-hari putih - 13, 14 & 15
- Puasa Nabi Daud AS (berselang hari)

**ZON 1**
(LIMBANG, SUNDAR, TRUSAN, LAWAS)

# RASULULLAH ADALAH SEBAIK-BAIK CONTOH TELADAN

## *Uswatun Hasanah*

1

Rasulullah SAW merupakan kekasih Allah SWT yang terpuji dan merupakan Uswatun Hasanah di mana baginda adalah sebaik-baik contoh teladan bagi ummah. Baginda diutuskan oleh Allah SWT untuk membimbing umat manusia ke jalan yang benar dan menunjukkan contoh kehidupan yang sempurna dalam setiap aspek, sama ada dalam ibadah, akhlak, atau urusan duniawi. Hal ini jelas ditegaskan dalam al-Quran:

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

***"Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu, (iaitu) bagi orang yang mengharapkan (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah."***

***(Surah al-Ahzab 33: 21)***

## *Akhlak Baginda SAW yang Terpuji*

2

Rasulullah SAW terkenal dengan akhlak yang mulia, sebagaimana disebut dalam hadis:

***"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."***

***(Hadis Riwayat al-Baihaqi, no. 20782)***

Akhlak Rasulullah SAW termasuk kejujuran, kasih sayang, kesabaran, dan sikap pemaaf, yang seharusnya menjadi panduan bagi setiap Muslim. Sebagai contoh, baginda memaafkan penduduk Thaif yang mencederakan baginda, walaupun baginda berpeluang untuk membalas dendam.

## *Kesungguhan dalam ibadah dan keseimbangan hidup dunia dan akhirat*

3

Rasulullah SAW menunjukkan teladan yang sempurna dalam ibadah seperti solat, puasa dan zikir. Baginda mengajarkan keseimbangan antara tanggungjawab dunia dan akhirat, seperti yang digambarkan dalam sebuah hadis yang bermaksud:

***"Sesungguhnya badanmu mempunyai hak ke atasmu, matamu mempunyai hak ke atasmu, dan isterimu juga mempunyai hak ke atasmu."***

***(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 5199)***

## *Akhlak Rasulullah SAW dalam keluarga dan masyarakat*

4

Baginda adalah suami yang penyayang, ayah yang bertanggungjawab, dan pemimpin yang adil. Daripada al-Aswad bin Zaid, aku bertanya kepada Saidatina 'Aisyah r.a. : apa yang dilakukan oleh nabi Muhammad SAW di rumah. Maka 'Aisyah r.a. menjawab:

***Baginda SAW membantu pekerjaan keluarganya, dan apabila mendengar azan Baginda SAW segera keluar (menunaikan solat).***

***(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 5363)***



# Kalendar Hijri 1447H

## GERHANA BULAN PENUH

Untuk lebih info, sila imbas kod QR

- 8 September 2025 / 15 Rabi'ul Awwal 1447 (Isnin)
- Fasa Gerhana Bulan Penuh bermula (1.30 pagi), Fasa Gerhana Bulan Penuh Maksimum (2.11 pagi), Fasa Gerhana Bulan Penuh Tamat (2.52 pagi)
- Semasa gerhana, bumi berada di antara matahari dan bulan, menyebabkan bayangan bumi menutupi sepenuhnya permukaan bulan.

*Sumber: www.timeanddate.com & stellarium-web.org



## Rabi'ul Awwal — OGOS - SEPTEMBER 2025 — ربيع الأول

| HARI | HIJRI | MILADI | PERISTIWA / CUTI | JADUAL WAKTU SOLAT | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Imsak | Subuh | Syuruk | Zohor | Asar | Maghrib | Isyak |
| Isnin | 1 | 25 | | 4:56 | 5:06 | 6:15 | 12:24 | 3:35 | 6:30 | 7:41 |
| Selasa | 2 | 26 | | 4:56 | 5:06 | 6:15 | 12:24 | 3:34 | 6:30 | 7:40 |
| Rabu | 3 | 27 | | 4:56 | 5:06 | 6:15 | 12:24 | 3:33 | 6:29 | 7:40 |
| Khamis | 4 | 28 | | 4:56 | 5:06 | 6:15 | 12:23 | 3:32 | 6:29 | 7:39 |
| Jumaat | 5 | 29 | | 4:56 | 5:06 | 6:15 | 12:23 | 3:31 | 6:29 | 7:39 |
| Sabtu | 6 | 30 | | 4:55 | 5:05 | 6:14 | 12:23 | 3:31 | 6:28 | 7:38 |
| Ahad | 7 | 31 | Hari Kemerdekaan | 4:55 | 5:05 | 6:14 | 12:23 | 3:30 | 6:28 | 7:38 |
| Isnin | 8 | 1 Sep | | 4:55 | 5:05 | 6:14 | 12:22 | 3:29 | 6:27 | 7:37 |
| Selasa | 9 | 2 | | 4:55 | 5:05 | 6:14 | 12:22 | 3:28 | 6:27 | 7:37 |
| Rabu | 10 | 3 | | 4:55 | 5:05 | 6:14 | 12:22 | 3:27 | 6:26 | 7:36 |
| Khamis | 11 | 4 | | 4:55 | 5:05 | 6:13 | 12:21 | 3:26 | 6:26 | 7:36 |
| Jumaat | 12 | 5 | Maulidur Rasul | 4:55 | 5:05 | 6:13 | 12:21 | 3:25 | 6:26 | 7:35 |
| Sabtu | 13 | 6 | | 4:55 | 5:05 | 6:13 | 12:21 | 3:23 | 6:25 | 7:35 |
| Ahad | 14 | 7 | | 4:54 | 5:04 | 6:13 | 12:20 | 3:22 | 6:25 | 7:34 |
| Isnin | 15 | 8 | | 4:54 | 5:04 | 6:13 | 12:20 | 3:21 | 6:24 | 7:33 |
| Selasa | 16 | 9 | | 4:54 | 5:04 | 6:12 | 12:20 | 3:20 | 6:24 | 7:33 |
| Rabu | 17 | 10 | | 4:54 | 5:04 | 6:12 | 12:19 | 3:19 | 6:23 | 7:32 |
| Khamis | 18 | 11 | | 4:54 | 5:04 | 6:12 | 12:19 | 3:19 | 6:23 | 7:32 |
| Jumaat | 19 | 12 | | 4:54 | 5:04 | 6:12 | 12:19 | 3:19 | 6:22 | 7:31 |
| Sabtu | 20 | 13 | | 4:53 | 5:03 | 6:12 | 12:18 | 3:20 | 6:22 | 7:31 |
| Ahad | 21 | 14 | | 4:53 | 5:03 | 6:11 | 12:18 | 3:20 | 6:21 | 7:30 |
| Isnin | 22 | 15 | | 4:53 | 5:03 | 6:11 | 12:17 | 3:20 | 6:21 | 7:30 |
| Selasa | 23 | 16 | Hari Malaysia | 4:53 | 5:03 | 6:11 | 12:17 | 3:21 | 6:20 | 7:29 |
| Rabu | 24 | 17 | | 4:53 | 5:03 | 6:11 | 12:17 | 3:21 | 6:20 | 7:29 |
| Khamis | 25 | 18 | | 4:52 | 5:02 | 6:10 | 12:16 | 3:21 | 6:19 | 7:28 |
| Jumaat | 26 | 19 | | 4:52 | 5:02 | 6:10 | 12:16 | 3:21 | 6:19 | 7:28 |
| Sabtu | 27 | 20 | | 4:52 | 5:02 | 6:10 | 12:16 | 3:22 | 6:18 | 7:27 |
| Ahad | 28 | 21 | | 4:52 | 5:02 | 6:10 | 12:15 | 3:22 | 6:18 | 7:27 |
| Isnin | 29 | 22 | | 4:52 | 5:02 | 6:09 | 12:15 | 3:22 | 6:17 | 7:26 |

Puasa Sunat
- Hari Isnin dan Khamis
- Hari-hari putih - 13, 14 & 15
- Puasa Nabi Daud AS (berselang hari)

**ZON 1**
(LIMBANG, SUNDAR, TRUSAN, LAWAS)

# EVOLUSI PERKEMBANGAN PERALATAN FALAK DI MALAYSIA

Ilmu falak adalah cabang ilmu yang mempelajari pergerakan objek samawi seperti Matahari, Bulan, bintang serta kaitannya dengan penentuan waktu dan arah dalam kehidupan manusia, khususnya dalam konteks ibadah umat Islam. Menelusuri zaman kegemilangan Islam iaitu pada abad ke-9 hingga ke-13 masihi, peralatan falak telah digunakan. Di Malaysia, peralatan falak mula berkembang pada abad ke-19 masihi dan seterusnya menyaksikan peningkatan peralatan falak ini selari dengan kemajuan teknologi masa kini.

| | Peralatan | Fungsi | Gambar |
|---|---|---|---|
| ABAD KE-19 (1801-1900) | Mizwalah (Jam Suria/ Jam Matahari/ Sundial) | Mengukur waktu dan menentukan masuk waktu solat Zuhur, Asar dan perubahan kedudukan Matahari. |  Disimpan di Masjid Serkam Pantai, Melaka |
| ABAD KE-20 (1901-2000) | Rubu' Mujayyab (Sukuan Sinus) | Menghitung waktu solat sepanjang tahun dan membuat cerapan menentukan kedudukan buruj-buruj di langit. |  Rubu' Mujayyab milik Syeikh Abdullah Fahim |
| | Tongkat Istiwa' | Menentukan garisan meridian iaitu arah utara atau selatan dari sesuatu tempat. |  Model tongkat Istiwa' yang ditambah baik bagi penentuan arah mata angin dan arah kiblat |
| | Tingkap Cerapan Hilal (Gawang Hilal) | Mengetahui kedudukan anak bulan yang berada dalam lingkungan bingkai tingkap tersebut. |  Digunakan secara rasmi oleh Syed Alwi bin Tahir al-Haddad dari Menara Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru (Tahun 1934) |
| | Kompas Saku/ Kekotak Jam Suria | Menggunakan bayang matahari untuk mengetahui waktu solat. |  Model dihasilkan oleh Ustaz Mokhtar bin Mat Jaman (anak murid Syeikh Abdullah Fahim) |
| | Teodolit (Model Sokkia TM20H) | Membantu proses cerapan anak bulan dengan mengetahui kedudukan dan kenampakan anak bulan. |  Digunakan di Baitul Hilal, Telok Kemang, Negeri Sembilan pada 29 Ramadhan 1392 (6 November 1972) dengan penglibatan pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). |
| | Teodolit (Model Sokkia TM20H) Teleskop Questar 7 | Menentukan arah kedudukan anak bulan di lokasi cerapan dengan bantuan kompas dan data-data rukyah yang dibekalkan oleh JUPEM |  Digunakan oleh jawatankuasa khas Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)(Tahun 1979-1980) |
| | Teleskop Moden Berkomputer (Maksutov-Cassegrain, Meade ETX90, Schmidt Cassegrain model Meade LX200) | Membantu proses cerapan anak bulan dengan mengetahui kedudukan dan kenampakan anak bulan. Digunakan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Makmal Fizik Angkasa, Universiti Malaya (Tahun 1999) |  Maksutov-Cassegrain  Meade ETX90  Schmidt Cassegrain model Meade LX200 |
| ABAD KE-21 (2001 - KINI) | Teleskop Moden Berkomputer dan Kamera Filem Single-Lens Reflex (SLR) | Membantu proses cerapan anak bulan di Balai Cerap Telok Kemang, Negeri Sembilan secara bulanan untuk merekod imej anak bulan yang kelihatan. |   Oleh kerana kamera SLR ketika itu menggunakan filem, maka imej anak bulan dirakam setelah ianya berjaya kelihatan pada teleskop. |
| | Kamera Digital Single-Lens Reflex (DSLR) | Membolehkan imej yang diambil menerusi teleskop terus dipaparkan pada paparan kamera dan untuk tatapan umum secara langsung. |  Digunakan dalam aktiviti cerapan anak bulan di Balai Cerap Telok Kemang sejak tahun 2006 hingga kini menggantikan kamera filem SLR dalam merekodkan imej anak bulan. |

Perkembangan peralatan falak di Malaysia menunjukkan evolusi daripada penggunaan peralatan tradisional kepada peralatan moden dan canggih yang digunakan hari ini. Perkembangan peralatan falak di Malaysia mencerminkan penyesuaian dan kemajuan dalam memenuhi keperluan masyarakat Islam untuk ibadah, khususnya dalam penentuan waktu solat, arah kiblat dan penentuan takwim hijri.

# Kalendar Hijri 1447H

## UMPAMA TANDAN YANG KERING

"Dan bulan pula Kami tetapkan beredar melalui beberapa peringkat manzilah (orbit) sehingga pada akhir peredarannya bulan itu kelihatan kembali ke peringkat awalnya (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering."

(Surah Yasin 36:39)



## Rabi'ul Akhir SEPTEMBER - OKTOBER 2025 ربيع الآخر

| HARI | HIJRI | MILADI | PERISTIWA / CUTI | JADUAL WAKTU SOLAT | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Imsak | Subuh | Syuruk | Zohor | Asar | Maghrib | Isyak |
| Selasa | 1 | 23 | | 4:51 | 5:01 | 6:09 | 12:15 | 3:22 | 6:17 | 7:26 |
| Rabu | 2 | 24 | | 4:51 | 5:01 | 6:09 | 12:14 | 3:22 | 6:16 | 7:25 |
| Khamis | 3 | 25 | | 4:51 | 5:01 | 6:09 | 12:14 | 3:23 | 6:16 | 7:25 |
| Jumaat | 4 | 26 | | 4:51 | 5:01 | 6:09 | 12:14 | 3:23 | 6:15 | 7:24 |
| Sabtu | 5 | 27 | | 4:50 | 5:00 | 6:08 | 12:13 | 3:23 | 6:15 | 7:24 |
| Ahad | 6 | 28 | | 4:50 | 5:00 | 6:08 | 12:13 | 3:23 | 6:14 | 7:23 |
| Isnin | 7 | 29 | | 4:50 | 5:00 | 6:08 | 12:13 | 3:23 | 6:14 | 7:23 |
| Selasa | 8 | 30 | | 4:50 | 5:00 | 6:08 | 12:12 | 3:23 | 6:14 | 7:23 |
| Rabu | 9 | 1 Okt | | 4:50 | 5:00 | 6:08 | 12:12 | 3:23 | 6:13 | 7:22 |
| Khamis | 10 | 2 | | 4:49 | 4:59 | 6:07 | 12:12 | 3:24 | 6:13 | 7:22 |
| Jumaat | 11 | 3 | | 4:49 | 4:59 | 6:07 | 12:11 | 3:24 | 6:12 | 7:21 |
| Sabtu | 12 | 4 | | 4:49 | 4:59 | 6:07 | 12:11 | 3:24 | 6:12 | 7:21 |
| Ahad | 13 | 5 | | 4:49 | 4:59 | 6:07 | 12:11 | 3:24 | 6:11 | 7:20 |
| Isnin | 14 | 6 | | 4:49 | 4:59 | 6:07 | 12:10 | 3:24 | 6:11 | 7:20 |
| Selasa | 15 | 7 | | 4:48 | 4:58 | 6:07 | 12:10 | 3:24 | 6:10 | 7:20 |
| Rabu | 16 | 8 | | 4:48 | 4:58 | 6:06 | 12:10 | 3:24 | 6:10 | 7:19 |
| Khamis | 17 | 9 | | 4:48 | 4:58 | 6:06 | 12:10 | 3:24 | 6:10 | 7:19 |
| Jumaat | 18 | 10 | | 4:48 | 4:58 | 6:06 | 12:09 | 3:24 | 6:09 | 7:19 |
| Sabtu | 19 | 11 | Hari Yang di Pertua Negeri Sarawak | 4:48 | 4:58 | 6:06 | 12:09 | 3:24 | 6:09 | 7:18 |
| Ahad | 20 | 12 | | 4:47 | 4:57 | 6:06 | 12:09 | 3:24 | 6:09 | 7:18 |
| Isnin | 21 | 13 | | 4:47 | 4:57 | 6:06 | 12:08 | 3:25 | 6:08 | 7:18 |
| Selasa | 22 | 14 | | 4:47 | 4:57 | 6:06 | 12:08 | 3:25 | 6:08 | 7:17 |
| Rabu | 23 | 15 | | 4:47 | 4:57 | 6:05 | 12:08 | 3:25 | 6:07 | 7:17 |
| Khamis | 24 | 16 | | 4:47 | 4:57 | 6:05 | 12:08 | 3:25 | 6:07 | 7:17 |
| Jumaat | 25 | 17 | | 4:47 | 4:57 | 6:05 | 12:08 | 3:25 | 6:07 | 7:16 |
| Sabtu | 26 | 18 | | 4:46 | 4:56 | 6:05 | 12:07 | 3:25 | 6:06 | 7:16 |
| Ahad | 27 | 19 | | 4:46 | 4:56 | 6:05 | 12:07 | 3:25 | 6:06 | 7:16 |
| Isnin | 28 | 20 | | 4:46 | 4:56 | 6:05 | 12:07 | 3:25 | 6:06 | 7:16 |
| Selasa | 29 | 21 | | 4:46 | 4:56 | 6:05 | 12:07 | 3:25 | 6:06 | 7:16 |
| Rabu | 30 | 22 | | 4:46 | 4:56 | 6:05 | 12:07 | 3:25 | 6:05 | 7:15 |

Puasa Sunat
- Hari Isnin dan Khamis
- Hari-hari putih - 13, 14 & 15
- Puasa Nabi Daud AS (berselang hari)

**ZON 1**
(LIMBANG, SUNDAR, TRUSAN, LAWAS)

# DARI TEODOLIT KE TELESKOP: EVOLUSI PERALATAN FALAK DI JABATAN MUFTI SARAWAK (JMS)

Bidang falak di Sarawak yang diterajui oleh Jabatan Mufti Sarawak, telah melalui transformasi luar biasa sejak 1990-an. Bermula dengan peralatan asas seperti teodolit dan kompas prismatik, kini JMS menggunakan teknologi canggih untuk memastikan ketepatan cerapan langit serta meningkatkan pendidikan dan penyelidikan astronomi.

## ERA 1990-AN HINGGA 2000-AN: AWAL LANGKAH, BERMULA DENGAN SEDERHANA

- Pada era ini, aktiviti cerapan dilaksanakan oleh Unit Falak di bawah seliaan Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) sebelum berpindah ke Pejabat Mufti Negeri Sarawak (PMNS) yang ditubuhkan pada tahun 1997.
- Pada ketika itu, cerapan hanya memfokuskan kepada cerapan anak bulan Ramadhan dan Syawwal sahaja dengan menggunakan teodolit.
- Walaupun bilangan pegawai dan peralatan yang terhad, namun PMNS tetap berusaha untuk memastikan tugas mencerap dilaksanakan dengan sebaiknya dengan kerjasama Jabatan Tanah & Survei Sarawak dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).



## ERA 2010-AN: ERA BARU, LANGKAH LEBIH MANTAP

- Tahun 2013 menjadi titik perubahan besar apabila PMNS telah dinaik taraf menjadi sebuah jabatan dan aktiviti cerapan dilaksanakan pada setiap bulan hijri di bawah seliaan Bahagian Falak.
- Perubahan ini telah membawa kepada perkembangan besar dari segi jumlah pegawai dan peralatan falak.
- Walaupun teodolit berfungsi dengan baik pada ketika itu, namun keperluan untuk ketepatan yang lebih tinggi mendorong pihak jabatan melangkah lebih jauh.
- Bermula tahun 2015, pembelian peralatan falak yang lebih canggih seperti total station, teleskop dan alat pengimejan yang asas mula dilaksanakan secara berkala supaya cerapan anak bulan lebih jelas dan terperinci.
- Perubahan ini bukan sahaja meningkatkan ketepatan dalam cerapan anak bulan, tetapi juga membuka peluang untuk penyelidikan yang lebih mendalam dan perkembangan ilmu falak ke seluruh Sarawak secara lebih komprehensif.



## ERA 2020-AN: PERKEMBANGAN TEKNOLOGI

- Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) pada tahun 2021 telah memutuskan bahawa teknik pengimejan adalah diharuskan dengan parameter yang ditetapkan oleh JAKIM.
- JMS menambahbaik segala keperluan dengan pembelian alat pengimejan seperti kamera astronomi dan kamera pantulan kanta tunggal digital (SLR digital atau DSLR) sebagai alat bantu untuk merakam imej objek langit yang sukar dilihat dengan mata kasar. Dengan teknologi ini, imej yang dihasilkan akan bertambah baik dan berkualiti.
- Pada tahun 2021 dan 2022, pembangunan Pusat Falak Miri dan Pusat Falak Bintulu telah membawa transformasi besar kepada perkembangan ilmu Falak di Sarawak. Kedua-dua pusat falak ini berfungsi sebagai Pusat Pendidikan dan Perkembangan Ilmu Falak, Pusat Penyelidikan, Pusat Cerapan dan Takwim dan Pusat Astro-pelancongan.
- Dengan adanya peralatan-peralatan yang canggih ini, ianya mampu menarik minat masyarakat untuk turut serta dalam program-program falak seperti cerapan langit, aktiviti interaktif, pameran astronomi dan ceramah falak.
- Evolusi ini membuktikan dedikasi JMS dalam memartabat dan melestarikan falak sebagai satu bidang ilmu penting yang bukan sahaja mendidik tetapi juga menginspirasi generasi akan datang.



# Kalendar Hijri 1447H

## BULAN PERIGEE & APOGEE

| PERIGEE | APOGEE |
|---|---|
| 6 November 2025 / 15 Jamadil Awwal 1447 (Khamis), jam 12.20 tengah malam. | 19 November 2025 / 28 Jamadil Awwal 1447 (Rabu), jam 11.52 malam. |
| Perigee bermaksud bulan berada pada titik paling hampir dari bumi. | Apogee bermaksud bulan berada pada titik paling jauh dari bumi. |
| Bulan Perigee atau bulan penuh terbesar bagi tahun 2025 iaitu 350,873.648 km saiz kenampakan bulan 34.02 arka minit. | Jarak bulan paling jauh bagi tahun 2025 iaitu berjarak 412,592.256 km saiz kenampakan bulan 28.57 arka minit. |

*Sumber: www.timeanddate.com & stellarium-web.org

*Untuk lebih info, sila imbas kod QR*




# Jamadil Awwal OKTOBER - NOVEMBER 2025 جمادي الأول

| HARI | HIJRI | MILADI | PERISTIWA / CUTI | JADUAL WAKTU SOLAT | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Imsak | Subuh | Syuruk | Zohor | Asar | Maghrib | Isyak |
| Khamis | 1 | 23 | | 4:46 | 4:56 | 6:05 | 12:07 | 3:25 | 6:05 | 7:15 |
| Jumaat | 2 | 24 | | 4:46 | 4:56 | 6:05 | 12:06 | 3:25 | 6:05 | 7:15 |
| Sabtu | 3 | 25 | | 4:46 | 4:56 | 6:05 | 12:06 | 3:25 | 6:05 | 7:15 |
| Ahad | 4 | 26 | | 4:46 | 4:56 | 6:05 | 12:06 | 3:25 | 6:04 | 7:15 |
| Isnin | 5 | 27 | | 4:45 | 4:55 | 6:05 | 12:06 | 3:25 | 6:04 | 7:15 |
| Selasa | 6 | 28 | | 4:45 | 4:55 | 6:05 | 12:06 | 3:26 | 6:04 | 7:15 |
| Rabu | 7 | 29 | | 4:45 | 4:55 | 6:05 | 12:06 | 3:26 | 6:04 | 7:14 |
| Khamis | 8 | 30 | | 4:45 | 4:55 | 6:05 | 12:06 | 3:26 | 6:04 | 7:14 |
| Jumaat | 9 | 31 | | 4:45 | 4:55 | 6:05 | 12:06 | 3:26 | 6:03 | 7:14 |
| Sabtu | 10 | 1 Nov | | 4:45 | 4:55 | 6:05 | 12:06 | 3:26 | 6:03 | 7:14 |
| Ahad | 11 | 2 | | 4:45 | 4:55 | 6:05 | 12:06 | 3:26 | 6:03 | 7:14 |
| Isnin | 12 | 3 | | 4:45 | 4:55 | 6:05 | 12:06 | 3:26 | 6:03 | 7:14 |
| Selasa | 13 | 4 | | 4:45 | 4:55 | 6:06 | 12:06 | 3:26 | 6:03 | 7:14 |
| Rabu | 14 | 5 | | 4:45 | 4:55 | 6:06 | 12:06 | 3:26 | 6:03 | 7:14 |
| Khamis | 15 | 6 | | 4:45 | 4:55 | 6:06 | 12:06 | 3:27 | 6:03 | 7:14 |
| Jumaat | 16 | 7 | | 4:45 | 4:55 | 6:06 | 12:06 | 3:27 | 6:03 | 7:14 |
| Sabtu | 17 | 8 | | 4:45 | 4:55 | 6:06 | 12:06 | 3:27 | 6:03 | 7:14 |
| Ahad | 18 | 9 | | 4:45 | 4:55 | 6:06 | 12:06 | 3:27 | 6:03 | 7:14 |
| Isnin | 19 | 10 | | 4:46 | 4:56 | 6:07 | 12:06 | 3:27 | 6:03 | 7:15 |
| Selasa | 20 | 11 | | 4:46 | 4:56 | 6:07 | 12:06 | 3:27 | 6:03 | 7:15 |
| Rabu | 21 | 12 | | 4:46 | 4:56 | 6:07 | 12:06 | 3:28 | 6:03 | 7:15 |
| Khamis | 22 | 13 | | 4:46 | 4:56 | 6:07 | 12:06 | 3:28 | 6:03 | 7:15 |
| Jumaat | 23 | 14 | | 4:46 | 4:56 | 6:07 | 12:07 | 3:28 | 6:03 | 7:15 |
| Sabtu | 24 | 15 | | 4:46 | 4:56 | 6:08 | 12:07 | 3:28 | 6:03 | 7:15 |
| Ahad | 25 | 16 | | 4:46 | 4:56 | 6:08 | 12:07 | 3:28 | 6:03 | 7:16 |
| Isnin | 26 | 17 | | 4:46 | 4:56 | 6:08 | 12:07 | 3:29 | 6:03 | 7:16 |
| Selasa | 27 | 18 | | 4:47 | 4:57 | 6:08 | 12:07 | 3:29 | 6:03 | 7:16 |
| Rabu | 28 | 19 | | 4:47 | 4:57 | 6:09 | 12:08 | 3:29 | 6:03 | 7:16 |
| Khamis | 29 | 20 | | 4:47 | 4:57 | 6:09 | 12:08 | 3:29 | 6:03 | 7:16 |
| Jumaat | 30 | 21 | | 4:47 | 4:57 | 6:09 | 12:08 | 3:30 | 6:04 | 7:17 |

Puasa Sunat
- Hari Isnin dan Khamis
- Hari-hari putih - 13, 14 & 15
- Puasa Nabi Daud AS (berselang hari)

**ZON 1**
(LIMBANG, SUNDAR, TRUSAN, LAWAS)

# PERKEMBANGAN PERALATAN FALAK DI JABATAN MUFTI SARAWAK

## JUMLAH PERALATAN FALAK DI JABATAN MUFTI SARAWAK (JMS)




## JUMLAH PERALATAN FALAK DI JABATAN MUFTI SARAWAK (JMS) MENGIKUT JENIS




## PERALATAN FALAK DI JABATAN MUFTI SARAWAK

*Kompas Prismatik*



USHIKATA SURVEYING COMPASS LS-25

*Teodolit*



THEODOLITE NIKON NE-20S

*Total Station*



SOKKIA CX-103 3" TOTAL STATION

*Starlab*



DIGITAL STARLAB PROJECTOR

| | |
|---|---|
| KOMPAS PRISMATIK | USHIKATA SURVEYING COMPASS LS-25 |
| | USHIKATA TRACON LS-25 PC WITH TRIPOD |
| GUIDER SCOPE | AUTO TRACKER: ZWO 60280 GUIDER SCOPE |
| TEODOLIT | THEODOLITE NIKON NE-20S |

| | |
|---|---|
| TOTAL STATION | TOPCON TOTAL STATION ES103 |
| | SOKKIA CX-103 3" TOTAL STATION |
| STARLAB | DIGITAL STARLAB PROJECTOR |

# Kalendar Hijri 1447H

## ALLAH SENTIASA BERSAMA KITA

"...Dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah berikan kepada orang yang berbuat baik."

(Surah al-'Ankabut 29:69)




## Jamadil Akhir — NOVEMBER - DISEMBER 2025 — جمادي الآخر

| HARI | HIJRI | MILADI | PERISTIWA / CUTI | Imsak | Subuh | Syuruk | Zohor | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | JADUAL WAKTU SOLAT | | | | | | |
| Sabtu | 1 | 22 | | 4:48 | 4:58 | 6:10 | 12:08 | 3:30 | 6:04 | 7:17 |
| Ahad | 2 | 23 | | 4:48 | 4:58 | 6:10 | 12:09 | 3:30 | 6:04 | 7:17 |
| Isnin | 3 | 24 | | 4:48 | 4:58 | 6:10 | 12:09 | 3:31 | 6:04 | 7:18 |
| Selasa | 4 | 25 | | 4:48 | 4:58 | 6:11 | 12:09 | 3:31 | 6:04 | 7:18 |
| Rabu | 5 | 26 | | 4:49 | 4:59 | 6:11 | 12:09 | 3:31 | 6:05 | 7:18 |
| Khamis | 6 | 27 | | 4:49 | 4:59 | 6:12 | 12:10 | 3:32 | 6:05 | 7:19 |
| Jumaat | 7 | 28 | | 4:49 | 4:59 | 6:12 | 12:10 | 3:32 | 6:05 | 7:19 |
| Sabtu | 8 | 29 | | 4:50 | 5:00 | 6:12 | 12:10 | 3:32 | 6:05 | 7:19 |
| Ahad | 9 | 30 | | 4:50 | 5:00 | 6:13 | 12:11 | 3:33 | 6:06 | 7:20 |
| Isnin | 10 | 1 Dis | | 4:50 | 5:00 | 6:13 | 12:11 | 3:33 | 6:06 | 7:20 |
| Selasa | 11 | 2 | | 4:51 | 5:01 | 6:14 | 12:12 | 3:33 | 6:06 | 7:21 |
| Rabu | 12 | 3 | | 4:51 | 5:01 | 6:14 | 12:12 | 3:34 | 6:07 | 7:21 |
| Khamis | 13 | 4 | | 4:51 | 5:01 | 6:15 | 12:12 | 3:34 | 6:07 | 7:21 |
| Jumaat | 14 | 5 | | 4:52 | 5:02 | 6:15 | 12:13 | 3:35 | 6:07 | 7:22 |
| Sabtu | 15 | 6 | | 4:52 | 5:02 | 6:15 | 12:13 | 3:35 | 6:08 | 7:22 |
| Ahad | 16 | 7 | | 4:52 | 5:02 | 6:16 | 12:14 | 3:36 | 6:08 | 7:23 |
| Isnin | 17 | 8 | | 4:53 | 5:03 | 6:16 | 12:14 | 3:36 | 6:09 | 7:23 |
| Selasa | 18 | 9 | | 4:53 | 5:03 | 6:17 | 12:15 | 3:36 | 6:09 | 7:24 |
| Rabu | 19 | 10 | | 4:54 | 5:04 | 6:17 | 12:15 | 3:37 | 6:09 | 7:24 |
| Khamis | 20 | 11 | | 4:54 | 5:04 | 6:18 | 12:15 | 3:37 | 6:10 | 7:25 |
